

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

BANTUAN RM64.3 JUTA SANTUNI 1,515 PELAJAR

Dermasiswa TNB dukung ilmu, amanah, patriotisme

Pembiayaan pendidikan bukan sekadar bantuan kewangan malah ia boleh dianggap sebagai 'jambatan' harapan yang dapat merubah haluan hidup.

Bagi ramai anak muda dari pelbagai latar belakang, pembiayaan pendidikan adalah peluang keemasan untuk bangkit melepasi cabaran dan membina masa depan.

Menyedari hakikat itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) berperanan sebagai penjana tenaga tetapi turut komited dalam membangunkan negara melalui program dermasiswa.

Dengan bantuan berjumlah RM64.3 juta yang disediakan melalui Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN), seramai 1,515 pelajar di seluruh negara dapat meneruskan pendidikan mereka sekali gus mewujudkan peluang bagi bakat masa depan seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan jangka panjang Malaysia.

Pelaburan jangka panjang syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu bukan sekadar memberi akses kepada pendidikan berkualiti, tetapi juga menanamkan semangat ingin terus berjaya dan mengubah nasib diri bagi membentuk jati diri warga sebuah negara Merdeka.

Bagi penerima Dermasiswa Yayasan Tenaga Nasional, Muhammad Alif Najmi Mohd Asri, 22, pembiayaan pendidikan diterima bukan sekadar bantuan kewangan tetapi simbol kepercayaan, harapan dan amanah.

Katanya, dermasiswa yang diterima pada 2021 membawa makna mendalam kerana ia membuka jalan untuknya mengejar impian, tanpa dibatasi oleh kekangan kewangan.

"Sebagai anak daripada keluarga sederhana, peluang ini

memberi kemerdekaan dalam menuntut ilmu tanpa perlu risau mengenai yuran pengajian atau kos sara hidup sekali gus memberi ruang untuk fokus sepenuhnya pada pelajaran dan pengembangan diri.

"Pembiayaan pendidikan TNB ini menanam rasa tanggungjawab dalam diri bahawa pelaburan ini bukan hanya untuk masa depan saya, tetapi juga untuk masa depan negara," katanya.

Sebagai anak merdeka yang lahir hasil daripada pengorbanan generasi terdahulu, Muhammad Alif percaya setiap kejayaan dicapai ini bukanlah semata-mata untuk diri sendiri, tetapi satu tanggungjawab kepada negara.

Katanya, pengajiannya di bawah tajaan TNB menjadi satu platform penting dalam melaksanakan amanah itu.

"Tajaan ini membentuk semangat patriotisme dan kesedaran bahawa kejayaan peribadi saya hari ini adalah hasil sokongan syarikat milik rakyat," kata Juruteknik Hartalega NGC ini.

Sebagai anak penoreh getah yang tinggal di kawasan luar bandar dengan akses pendidikan berkualiti yang terhad, Zukrina Aliah Azman, 24, menganggap Dermasiswa Yayasan Tenaga Nasional yang diperoleh pada 2019 sebagai satu amanah.

"Saya sangat bersyukur ditawarkan tajaan ini kerana ia tidak hanya meringankan beban keluarga tetapi juga membolehkan saya fokus sepenuhnya pada pelajaran," katanya.

Kini, sebagai Jurutera Tapak di Zurich Infrastructure Sdn Bhd,

Zukrina Aliah menyumbang kembali kepada masyarakat dan pembangunan negara dengan memastikan infrastruktur dibina selamat, berkualiti dan memenuhi keperluan masyarakat.

"Pengalaman dan ilmu teknikal dikongsi dengan pekerja tapak dan pelajar latihan industri boleh membantu membentuk generasi baharu jurutera yang berkemahiran tinggi," katanya.

Bagi penerima Dermasiswa Yayasan Tenaga Nasional, Sharaanesh Siva Kanna, 23, tajaan yang diperoleh itu cukup bermakna buatnya.

Katanya, pendapatan keluarga dengan ayah orang kelainan upaya (OKU) manakala ibu pula operator kilang untuk membesarkan tiga anak sememangnya tidak mencukupi.

"Dengan tajaan TNB ini, ia dapat membantu mengurangkan beban keluarga bukan saja menanggung kos pengajian tetapi juga dari segi keperluan bulanan," katanya.

Juruteknik di Jabil Green Point di Sungai Petani, Kedah ini nekad untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dan menjadi warganegara yang berguna serta berdisiplin kepada negara.

Bagi Cynthia Mathew, 24, dermasiswa TNB My Bright Future (MyBF) Yayasan Tenaga Nasional yang diperoleh itu tidak hanya mengubah hidupnya malah memberi harapan kepada keluarganya.

Dibesarkan dalam keluarga yang sederhana dengan cabaran kewangan dan kemudahan yang terhad, tajaan berke-



TNB komited dalam membangunkan negara melalui program dermasiswa.

naan membolehkan anak kelahiran Miri, Sarawak itu memberi fokus sepenuhnya pada pelajaran tanpa tekanan kewangan.

"Dermasiswa TNB ini adalah simbol kepercayaan, harapan dan tanggungjawab. Ia membuka jalan kepada masa depan yang lebih cerah dan stabil," katanya.

Selari dengan tema Merdeka 2025, 'Malaysia MADANI' Rakyat Disantuni, Cynthia melihat peluang ini sebagai bukti rakyat Malaysia sentiasa diberi perhatian dan disokong untuk mencapai kejayaan khususnya dalam bidang ilmu dan kemahiran.

"Saya berbangga menjadi sebahagian daripada generasi yang membina negara melalui ilmu dan kepakaran.

"Saya dapat menyumbang kepada negara sebagai Juruternik Elektronik di Schlumberger WTA (M) Sdn Bhd dalam industri minyak dan gas," katanya.

Kejayaan Mohd Asis Latip, 29, dari Kota Kinabalu, Sabah, menewati jawatan sebagai Duty Executive Operation di Malaysia Airports Sdn Bhd membuktikan pembiayaan pendidikan menjadi titik perubahan kerjaya dan masa depan lebih cerah.

Dibesarkan dalam keluarga yang sederhana dengan 11 adik-beradik, dermasiswa TNB MyBF yang diperoleh pada 2018 membolehkannya menuntut ilmu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tanpa dibebani masalah kewangan.

"Sokongan ini membolehkan saya membina asas ilmu dan kemahiran kukuh sebagai persediaan hadapi dunia kerjaya.

"Selari dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025, 'Malaysia MA-

DANI: Rakyat Disantuni", pembiayaan pendidikan ini mencerminkan bagaimana rakyat disantuni melalui peluang pendidikan, memberi kebebasan untuk saya mengejar cita-cita dan berbakti kepada negara," katanya.

"Bantuan bukan saja menanggung kos pengajian tetapi juga dari segi keperluan bulanan"

Sharaanesh



"Dermasiswa TNB ini adalah simbol kepercayaan, harapan dan tanggungjawab"

Cynthia



"Tajaan ini dapat membentuk semangat patriotisme dan kesedaran nasional"

Muhammad Alif Najmi



"Sokongan ini membolehkan saya membina asas ilmu dan kemahiran kukuh"

Mohd Asis



"Saya bersyukur ditawarkan tajaan ini kerana ia meringankan beban keluarga"

Zukrina Aliah



DERMASISWA TNB menanamkan semangat ingin terus berjaya dan mengubah nasib diri bagi membentuk jati diri warga sebuah negara merdeka.

